

Kelulusan	√
Makluman	

**KERTAS KERJA PERMOHONAN
PENUBUHAN PERSATUAN**

	Disediakan oleh	Disemak oleh	Disahkan oleh	Diperakukan oleh
Tandatangan				
Nama	<nama pelajar>			
Jawatan		Pengarah Pembangunan Aktiviti Pelajar	Timbalan Pendaftar Kanan (HEP)	Timbalan Naib Canselor (HEP)
Tarikh				

**RINGKASAN EKSEKUTIF****KERTAS KERJA PENUBUHAN PERSATUAN**

1.0	TUJUAN	
2.0	LATAR BELAKANG	
3.0	OBJEKTIF	
4.0	JUSTIFIKASI	

KERTAS KERJA UNTUK KELULUSAN

**MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF
JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR
HAL EHWAL PELAJAR**

PENUBUHAN PERSATUAN

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas kerja ini disediakan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Eksekutif Hal Ehwal Pelajar berkaitan permohonan Penubuhan Persatuan

1.0 NAMA

1.1 Nama persatuan ini ialah

1.2 Nama ringkas persatuan ini ialah

1.3 Alamat persatuan ini ialah :

1.4 Logo persatuan :

1.5 Moto persatuan ini ialah

2.0 TUJUAN

Tujuan persatuan ini ialah:

3.0 AKTIVITI

4.0 KEAHLIAN

5.0 HAK AHLI

5.1 Ahli berhak:

- (a) Mencadang, menyokong dan memberi pandangan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebijakan ahli dan kecemerlangan Persatuan.
- (b) Boleh melalui temuduga untuk memegang jawatan Majlis Eksekutif Persatuan tertakluk kepada syarat yang berikut:
 - (i) Tiada seseorang pelajar yang keputusan perbicaraan tata tertib terhadapnya masih ditunggu, atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib, boleh dipilih atau terus lagi menjadi seorang ahli persatuan,
 - (i) Tidak menjalani latihan praktikal selama tempoh dia memegang jawatan,
 - (ii) Pencapaian akademik sebaik-baiknya tidak kurang daripada CPA 2.5, melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Timbalan Naib Canselor (HEP).
 - (iii) Seseorang pelajar yang belum lagi masuk peperiksaan yang pertama di Universiti bagi kursus pengajiannya atau yang telah gagal atau yang tidak masuk peperiksaan yang barulalu yang diadakan oleh Universiti bagi kursus Pengajian itu sebelum sahaja sesuatu pemilihan atau pemilihan-pemilihan yang dicadangkan bagi persatuan atau oleh persatuan atau oleh Jawatankuasa dalam persatuan adalah hilang kelayakan daripada dipilih dalam pemilihan atau memilih-pemilih itu.
- (c) Tertakluk kepada perkara 13.1 memohon untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa.
- (d) Tertakluk kepada perkara 17(3)(1) memohon kepada Timbalan Naib Canselor (HEP) untuk menggantung/membubar mana-mana Ahli Majlis Eksekutif/Majlis Eksekutif /Persatuan.

6.0 TANGGUNGJAWAB AHLI

- 6.1 Menghormati dan patuh kepada Perlembagaan Kelab.
- 6.2 Patuh kepada segala keputusan yang diambil dalam semua mesyuarat Kelab, melainkan jika ahli itu telah berhenti daripada Kelab terlebih dahulu.

- 6.3 Melaksanakan semua tugas-tugas yang diamanahkan oleh Kelab kepadanya.
- 6.4 Memberitahu secara bertulis kepada Setiausaha jika ahli hendak menamatkan keahliannya.

7.0 KEWANGAN

- 7.1 Persatuan, Ahli Majlis Eksekutif/Majlis Eksekutif boleh menyenggara apa-apa kumpulan wang atau membuat apa-apa pemungutan wang atau harta dari mana-mana sumber dengan syarat mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor melalui Timbalan Naib Canselor (HEP).
- 7.2 Tertakluk kepada perenggan 7.1 semua pungutan hendaklah di atas nama Bendahari Universiti atau Pejabat Hal Ehwal Pelajar.
- 7.3 Apa-apa perbelanjaan yang berpatutan yang dilakukan oleh Persatuan dengan terlebih dahulu dibenarkan secara bertulis oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) boleh dibayar oleh Universiti jika tuntutan-tuntutan bertulis yang berpatutan disokong dengan resit-resit dan baucer-baucer.
- 7.4 Semua pungutan kewangan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun amanah yang dikawal selia oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

8.0 MAJLIS EKSEKUTIF

- 8.1 Majlis eksekutif hendaklah terdiri daripada:
 - (i) Presiden
 - (ii) Naib Presiden 1
 - (iii) Naib Presiden 2
 - (iv) Setiausaha
 - (iv) Bendaharidan lain-lain jawatan yang disebut seperti yang dibenarkan secara bertulis oleh Timbalan Naib Canselor (HEP).
- 8.2 Di samping jawatan-jawatan dalam Majlis Eksekutif, jawatankuasa yang lain boleh diwujudkan mengikut kesesuaian dan selaras dengan tujuan penubuhan persatuan tersebut.
- 8.3 Semua pemegang-pemegang jawatannya hendaklah dipilih untuk tempoh selama satu tahun oleh Mesyuarat Agung dan tidak boleh memegang lebih daripada satu jawatan dalam mana-mana persatuan pada satu-satu masa.

9.0 TANGGUNGJAWAB MAJLIS EKSEKUTIF

- 9.1 Majlis Eksekutif boleh membentuk dari semasa ke semasa dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (HEP), Jawatankuasa- Jawatankuasa ad hoc dari antara ahli-ahli persatuannya bagi maksud dan tujuan-tujuan yang tertentu mana-mana ahli persatuannya kecuali mereka yang dikenakan tindakan tatatertib.
- 9.2 Memanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa Persatuan bagi membincangkan sesuatu perkara yang dianggap perlu tertaktuk kepada perkara 17(2).
- 9.3 Menerima perletakan jawatan daripada mana-mana ahli Majlis Eksekutif dan Jawatankuasa ad hoc.
- 9.4 Boleh melantik untuk menjalankan tugas bagi memenuhi segala kekosongan jawatan sama ada di kalangan ahli Majlis Eksekutif melalui Mesyuarat Jawatankuasa atau dari kalangan ahli persatuan dengan mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa dan melaporkan kepada Timbalan Naib Canselor (HEP).
- 9.5 Merancang, melaksana, mengawasi dan menilai aktiviti Persatuan bersesuaian dengan matlamat penubuhan persatuan sepanjang tempoh tahun perkhidmatannya.
- 9.6 Majlis Eksekutif Persatuan boleh dari semasa ke semasa membuat perintah tetap untuk mengawal perjalanan mesyuaratnya dengan syarat bahawa perintah tetap itu tidak boleh berlawanan dengan Peraturan Aktiviti Pelajar Universiti Teknologi Malaysia atau dengan mana-mana peruntukan lain undang-undang bertulis berhubungan dengan mana-mana petunjuk, arahan atau kehendak yang sah yang diberi atau dibuat oleh Majlis atau oleh mana-mana pegawai atau membuat petunjuk, arahan atau kehendak itu. Suatu salinan perintah tetap itu dan apa-apa pindaan padanya hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada Timbalan Naib Canselor (HEP) selepas sahaja ianya dibuat.
- 9.7 Bertanggungjawab terhadap semua urusan dan perjalanan Persatuan.

10.0 MESYUARAT JAWATANKUASA

- 10.1 Persatuan hendaklah mengadakan mesyuarat-mesyuarat dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan perlu dan adalah menjadi kewajipan Setiausaha menyimpan minit-minit tiap-tiap Mesyuarat Majlis Eksekutif dan minit

- itu hendaklah disahkan dalam mesyuarat yang berikutnya dan satu salinan minit mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (HEP).
- 10.2 Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha dengan memberi notis bertulis tidak kurang dari tujuh (7) hari sebelum mesyuarat.
- 10.3 Tidak kurang daripada satu pertiga ($1/3$) ahli jawatankuasa membentuk satu korum.
- 10.4 Bagi sesuatu perkara yang mendesak dan mesyuarat jawatankuasa tidak dapat diadakan untuk membincangkan perkara itu, Setiausaha boleh mengadakan Surat Pekeliling dan memperolehi persetujuan majoriti daripada ahli-ahli jawatankuasa secara bertulis. Perkara ini hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada mesyuarat jawatankuasa yang berikutnya.
- 10.5 Mana-mana ahli jawatankuasa yang tidak hadir tiga (3) kali berturut-turut tanpa memberi sebab-sebab yang munasabah hendaklah disifatkan sebagai telah meletakkan jawatannya dan Setiausaha Agung perlu mengemukakan laporan kepada Timbalan Naib Canselor (HEP).
- 10.6 Keputusan mesyuarat jawatankuasa hendaklah diambil mengikut undi terbanyak dengan tidak kurang daripada dua pertiga ($2/3$) daripada ahli-ahli jawatankuasa yang hadir dan mengundi.
- 10.7 Timbalan Naib Canselor (HEP) atau wakilnya boleh menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa.

11.0 TANGGUNGJAWAB

(1) Presiden

- (i) Menjadi Pengerusi bagi semua mesyuarat jawatankuasa dan menandatangani minit mesyuarat yang disahkan.
- (ii) Berhak menetapkan semua mesyuarat.
- (iii) Mengeluarkan kenyataan kepada ahli mengenai rancangan persatuan.
- (iv) Bersama-sama dengan ahli jawatankuasa menimbang dan memutuskan bagi Persatuan perkara-perkara pentadbiran dan aktiviti persatuan yang memerlukan tindakan segera.
- (v) Bersama Bendahari Persatuan mengesahkan segala tuntutan perbelanjaan bagi kelulusan Timbalan Naib Canselor (HEP).
- (vi) Bertanggungjawab terhadap perjalanan pentadbiran persatuan.
- (vii) Menjadi penasihat untuk satu jabatan

(2) Naib Presiden 1 dan Naib Presiden 2

- (i) Membantu Presiden dalam urusan-urusan persatuan.
- (ii) Dalam ketiadaan Presiden oleh sebab ketidakupayaan, sakit, cuti atau apa-apa sebab yang munasabah untuk menjalankan mana-mana daripada tugas jawatannya, maka Naib Presiden hendaklah menjalankan tugas-tugas itu.
- (iii) Menjadi penasihat untuk dua jabatan

(3) Setiausaha

- (i) Menjadi Ketua Sekretariat persatuan.
- (ii) Bertanggungjawab atas Surat-menyurat Persatuan dan mesyuarat-mesyuarat Persatuan.
- (iii) Menyimpan rekod dan minit mesyuarat Persatuan.
- (iv) Menyediakan laporan tahunan persatuan dengan lengkap dan kemas kini.
- (v) Menjalankan tugas khas yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa.
- (vi) Menyimpan senarai ahli-ahli persatuan dengan lengkap dan hendaklah mengemukakan daftar kemas kini untuk pemeriksaan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) apabila dikehendaki olehnya.
- (vii) Bertanggungjawab memanggil semua mesyuarat

(4) Bendahari

- (i) Menyediakan penyata dan laporan kewangan Persatuan.
- (ii) Menyimpan akaun-akaun Persatuan seperti yang ditetapkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar.
- (iii) Bendahari hendaklah menyimpan akaun-akaun Persatuan dengan sepatutnya. Laporan kewangan bagi satu tahun kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) yang telah diaudit oleh seorang yang dilantik oleh jawatankuasa hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (HEP) tidak lewat daripada empat belas (14) hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan.
- (iv) Bersama Presiden mengesahkan dan mengemukakan tuntutan-tuntutan yang berpatutan yang disokong dengan resit dan baucer-baucer itu bagi

diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) untuk dibayar oleh universiti.

- (v) Bertanggungjawab penuh atas soal kewangan Persatuan.

12.0 MESYUARAT AGUNG

12.1 Mesyuarat Agung persatuan hendaklah dipanggil oleh Setiausaha dan mesyuarat-mesyuarat itu ialah:

- (i) Mesyuarat Agung Tahunan
- (ii) Mesyuarat Agung Luar Biasa

12.2 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan dalam Semester Pertama selepas Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.

12.3 Agenda mesyuarat:

- (a) Ucapan Presiden
- (b) Ucapan dari tetamu jemputan (jika ada)
- (c) Pembentangan untuk pengesahan:
 - (i) Laporan Tahunan
 - (ii) Minit Mesyuarat Agung yang lepas
 - (iii) Penyata kewangan persatuan
- (d) Membincangkan perkara yang telah diberitahu lebih awal kepada Setiausaha
- (e) Memilih Jawatankuasa Baru
- (f) Ucapan ringkas dari Presiden baru
- (g) Menghantar segala minit, laporan usul, akaun yang telah diaudit dan lain-lain kertas mesyuarat kepada ahli sekurang- kurangnya 10 hari sebelum mesyuarat diadakan.

12.4 Notis Mesyuarat dan Korum

- (i) Notis pemberitahuan bagi Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah ditampal di papan-papan kenyataan Universiti beserta dengan agendanya sekali sekurang - kurangnya sepuluh (10) hari sebelum mesyuarat diadakan. Salinan notis ini hendaklah juga dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (HEP).
- (ii) Korum bagi Mesyuarat Agung Tahunan ialah satu perempat ($\frac{1}{4}$) daripada jumlah ahli dengan syarat jika jumlah itu tidak tercapai, maka

dengan kebenaran khas dari Timbalan Naib Canselor (HEP), mesyuarat boleh dijalankan dengan tidak kurang dari 10 ahli hadir.

- (iii) Jika kehendak Subperkara 15.4(ii) pun tidak dapat dicapai selepas menunggu setengah jam, mesyuarat hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh yang ditetapkan oleh jawatankuasa dan pada kali ini mesyuarat boleh dijalankan tanpa korum tetapi mesyuarat tidak boleh membuat keputusan mengenai pindaan peraturan dan perkara-perkara yang berhubung dengan hak ahli-ahli.

13.0 MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

- 13.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah diadakan apabila ada permintaan daripada 10 atau lebih ahli-ahli persatuan yang menandatangani surat rasmi memohon supaya mesyuarat itu diadakan dengan syarat ianya diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP).
- 13.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa juga boleh diadakan atas kehendak ahli jawatankuasa dengan syarat ianya diluluskan terlebih dahulu oleh Timbalan Naib Canselor (HEP).
- 13.3 Notis mesyuarat dan agendanya hendaklah ditampal pada papan kenyataan tujuh (7) hari sebelum mesyuarat ini.
- 13.4 Korum bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah tidak kurang separuh ($1/2$) daripada jumlah ahli.
- 13.5 Timbalan Naib Canselor (HEP) atau wakil boleh hadir dalam mana- mana Mesyuarat Agung dan dia boleh mengawasinya atau memberi apa-apa arahan mengenainya yang difikirkan patut.
- 13.6 Keputusan Mesyuarat Agung hendaklah diambil mengikut undi (sulit atau tidak sulit) terbanyak dengan tidak kurang daripada dua pertiga ($2/3$) daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi dan satu salinan minit mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (HEP).

14.0 PERUBAHAN DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

- 14.1 Cadangan pindaan terhadap perlembagaan ini hanya boleh dibuat dalam Mesyuarat Agung Tahunan sahaja dengan syarat butir-butir pindaan itu dikemukakan kepada ahli-ahli Persatuan sekurang- kurangnya 10 hari sebelum mesyuarat dan cadangan pindaan itu adalah sah diterima untuk dikemukakan

kepada Timbalan Naib Canselor (HEP) sekiranya dua per tiga (2/3) daripada ahli yang hadir dan mengundi bersetuju.

- 14.2 Setiausaha hendaklah mengemukakan mengenai cadangan pindaan kepada Timbalan Naib Canselor (HEP) untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- 14.3 Cadangan pindaan kepada Perlembagaan hanya berkuatkuasa setelah cadangan pindaan itu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

15.0 PELANTIKAN JURUAUDIT

- 15.1 Persatuan melalui Mesyuarat Agung hendaklah melantik juruaudit untuk membuat audit kewangan dan aset persatuan.
- 15.2 Laporan juruaudit hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

16.0 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN

- 16.1 Jika sekiranya berlaku pertelingkahan mengenai perkara-perkara dalam perlembagaan ini maka tafsiran yang diterima ialah tafsiran yang diputuskan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) setelah Jawatankuasa berunding dengan Timbalan Naib Canselor (HEP).

17.0 PENGGANTUNGAN PEMBUBARAN

- 17.1 Apabila mana-mana Ahli Jawatankuasa atau Majlis Eksekutif atau Persatuan menjalankan urusan secara yang difikirkan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) sebagai boleh merosak atau memudaratkan kesentosaan Universiti atau melanggar mana-mana peruntukan Akta Universiti atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, maka Lembaga Pengarah atau Naib Canselor boleh menggantung atau membubarkan mana-mana Ahli Jawatankuasa atau menggantung atau membubarkan mana-mana persatuan.
- 17.2 Jika didapati bahawa Pergerakan yang dijalankan oleh Persatuan adalah bukan untuk kepentingan ahli-ahli, Persatuan telah:
 - (i) Gagal mendapat dan mengekalkan keanggotaan yang dinyatakan di bawah syarat-syarat kelulusan penubuhannya atau keanggotaan yang difikirkan oleh majlis sebagai keanggotaan minimum yang diperlukan;
 - (ii) Tidak begitu aktif dalam memajukan tujuan atau kepentingannya;

- (iii) Menyeleweng daripada tujuan atau kepentingannya yang telah ditentukan; atau
- (iv) Melanggar atau bertanggungjawab atas atau menjadi pendorong dalam, atau dengan apa-apa cara membantu dalam pelanggaran mana-mana peruntukan.

Lembaga Pengarah Universiti atau Naib Canselor boleh membubarkan Persatuan sama ada dengan serta merta atau mulai dari suatu tarikh yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah Universiti/Naib Canselor dan Persatuan hendaklah terbubar dengan sewajarnya.

- 17.3 (i) Tidak kurang daripada satu pertiga ($1/3$) daripada bilangan ahli persatuan, boleh memberitahu Timbalan Naib Canselor (HEP) secara bertulis dengan satu salinan pemberitahuan itu kepada Setiausaha Agung bahawa mereka berkehendakkan mana-mana Ahli Jawatankuasa digugurkan daripada jawatan atau Persatuan dibubarkan.
- (ii) Apabila diterima pemberitahuan di bawah Subperenggan 17.3 (i) Timbalan Naib Canselor (HEP) boleh selepas menjalankan penyiasatan yang difikirkan perlu memanggil suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa dengan memberi notis tidak kurang daripada sepuluh (10) hari kepada ahli-ahli Persatuan yang terlibat.
 - (iii) Jika diputuskan dalam Mesuarat Agung Luar Biasa tersebut supaya mana-mana Ahli Jawatankuasa digugurkan, Ahli Jawatankuasa baru boleh dipilih serta-merta dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa.
 - (iv) Jika diputuskan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa tersebut supaya Persatuan dibubarkan maka Persatuan tersebut terbubar dengan sewajarnya.
 - (vi) Timbalan Naib Canselor (HEP) hendaklah hadir dalam Mesyuarat Agung yang dipanggil olehnya di bawah Subperenggan 17.3 (iv) dan mengawasi Mesyuarat Agung.
 - (vii) Jika sesuatu Persatuan Pelajar dibubarkan di bawah, Timbalan Naib Canselor (HEP) akan memberitahu Lembaga Pengarah Universiti mengenainya.

18.0 Peraturan Universiti

Persatuan hendaklah menurut dan mematuhi dengan sewajarnya peruntukan-peruntukan **Akta Universiti** dan **Kolej Universiti 1971 (Pindaan 1996)**, **Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia 1998**, **Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999**, **Peraturan Aktiviti Pelajar** dan semua petunjuk, arahan atau kehendak yang sah yang diberi atau dibuat oleh **Lembaga Pengarah Universiti**, atau oleh mana-mana pihak berkuasa Universiti atau oleh mana-mana pihak berkuasa Universiti atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti, yang diberikuasa untuk memberi atau membuat petunjuk arahan atau kehendak tersebut.